

U B389 DEB  
MAHATHIR - SYUKUR

BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH (KETENGAH), 13 OGOS (BERNAMA) --  
PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK  
RAKYAT MENUNJUKKAN KESYUKURAN TERHADAP NIKMAT YANG SEDANG DIKECAPI  
OLEH MEREKA DENGAN TERUS MEMBERI SOKONGAN KEPADA USAHA PEMBANGUNAN  
YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN.

MENURUTNYA, RAKYAT TIDAK PERLU MEMBERI PERHATIAN KEPADA  
GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG MENABURKAN PELBAGAI FITNAH DENGAN  
TUJUAN UNTUK MEMBURUK-BURUKKAN USAHA KERAJAAN ITU.

+APA YANG DILAKUKAN OLEH GOLONGAN ITU IALAH SEKADAR UNTUK  
MEMBANGKITKAN KEMARAHAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN DAN SEKALIGUS  
MEMANCING UNDI,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERAYAAN HARI  
PENEROKA KEBANGSAAN 1990 DI SINI.

KIRA-KIRA 15,000 PENEROKA DARI KESEMUA LEMBAGA PEMBANGUNAN  
WILAYAH MENGHADIRI UPACARA ITU. ANTARA PEMBESAR YANG TURUT HADIR  
IALAH MENTERI BESAR TERENGGANU TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD,  
MENTERI BESAR KELANTAN TAN SRI HAJI MOHAMAD YAAKOB, MENTERI BESAR  
PAHANG TAN SRI KHALIL YAAKOB, MENTERI PENGANGKUTAN DATUK SERI DR  
LING LIONG SIK DAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK SERI DR LIM KENG  
YAIK.

PERDANA MENTERI BERKATA GEJALA TIDAK MENSYUKURI NIKMAT  
PEMBANGUNAN YANG DILAKSNAKAN OLEH KERAJAAN WUJUD DI MERATA-RATA  
TEMPAT DAN YANG PALING MENYEDIHKAN IALAH GOLONGAN YANG TIDAK  
BERSYUKUR ITU KEBANYAKANNYA TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG PERNAH  
MENIATI HASIL DARIPADA USAHA KERAJAAN SENDIRI.

-- LAGI.

1342MST 13 08 90

U B390 DEB  
MAHATHIR - SYUKUR 2 BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH

BELIAU BERKATA ADA SESETENGAH GOLONGAN YANG MEMASUKI  
RANCANGAN-RANCANGAN KEMAJUAN TANAH DAN MENGHASUT PENEROKA SUPAYA  
MENENTANG KERAJAAN KERANA KONONNYA KERAJAANLAH YANG BERTANGGUNGJAWAB  
HINGGA JATUHNYA HARGA BARANGAN UTAMA.

ADA JUGA BEBERAPA KEJADIAN PAPAN-PAPAN TANDA CAWANGAN UMNO  
DIDIRIKAN DI KAWASAN PERUMAHAN SETINGGAN TETAPI PAPAN-PAPAN TANDA  
SEUMPANA ITU LESAP DAN PAPAN TANDA PARTI PEMBANGKANG YANG MUNCUL  
APABILA KAWASAN SETINGGAN BERKENAAN DIMAJUKAN OLEH KERAJAAN DAN  
PENGHUNINYA MENERIMA HAK MILIK TANAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT MESTILAH BERUSAHA KERAS  
UNTUK MEMAJUKAN NEGARA AGAR MALAYSIA DIHORMATI OLEH DUNIA DAN MEREKA  
SENDIRI HIDUP DALAM KEADAAN SENANG-LENANG.

KATANYA, DALAM MENEMPUHI KEHIDUPAN, RAKYAT MESTILAH TURUT  
BERHADAPAN DENGAN DUGAAN DAN CABARAN KERANA HANYA DENGAN CARA ITU  
MEREKA AKAN DAPAT MENGHAYATI NIKMAT KEHIDUPAN ITU SENDIRI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK SUKA MELIHAT  
RAKYAT HIDUP DALAM KEADAAN LEKA KERANA TANPA BERGERAK CERGAS MEREKA  
BOLEH MENJADI LEMAH DAN KESELAMATAN NEGARA TURUT TERANCAM.

BELIAU BERKATA KERAJAAN HARI INI BOLEH MENJADI SEBUAH KERAJAAN  
YANG POPULAR DENGAN CARA MEMBAHAGI-BAHAGIKAN DUIT HASIL KEKAYAAN  
NEGARA KEPADA SETIAP ORANG RAKYATNYA DAN RAKYAT PULA TIDAK PERLU  
MELAKUKAN APA-APA PEKERJAAN SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH BEBERAPA  
BUAH NEGARA KAYA. -- LAGI.

1345MST 13 08 90

D620

U B391 DEB  
MAHATHIR - SYUKUR 3 BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH

+BAGAIMANAPUN JIKA INI KITA LAKUKAN, MALAYSIA AKAN MENAJDI SEBUAH NEGARA YANG LEMAH KERANA RAKYAT TIDAK TAHU LAGI CARA-CARA UNTUK BERUSAHA DAN MEMPERKUATKAN DIRI,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB, IA PERLU MENGURUSKAN KEKAYAAN NEGARA MENGIKUT CARA YANG SEPATUTNYA, AGAR SEBUAH MASYARAKAT YANG TEGUH, RAJIN DAN DEDIKASI DAPAT DILAHIRKAN.

ANTARA CARA-CARANYA IALAH MEMBUKA RANCANGAN TANAH BAGI MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN DAN MENINGKATKAN TARAF HIDUP BERPULUH-PULUH RIBU RAKYAT.

PEMBUKAAN TANAH MERUPAKAN BUKTI KERAJAAN BENAR-BENAR MEMIKIRKAN NASIB MASA DEPAN RAKYAT KERANA TANPA BERBUAT DEMIKIAN TIDAK MUNGKIN RAKYAT YANG HIDUP SERBA SEMPIT DAPAT MENGUBAH CARA HIDUP SEPERTI YANG TELAH MEREKA LALUI SEBELUM NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, KATANYA.

BELIAU MENINGATKAN RAKYAT BAHAWA KEWUJUDAN FELDA IALAH CONTOH TERBAIK KEIKHLASAN DAN KESUNGGUHAN KERAJAAN UNTUK MEMBANTU RAKYAT KERANA +FELDA DIWUJUDKAN BUKAN ATAS DESAKAN RAKYAT TETAPI SEMATA-MATA ATAS KESEDERAN KERAJAAN SENDIRI TENTANG PERLUNYA RAKYAT DISEDIAKAN PEKERJAAN.+ -- LAGI.

1347MST 13 08 90

D621

U B392 DEB  
MAHATHIR - SYUKUR 4 BANDAR AL MUKTAFI BILLAH SHAH

MENURUTNYA, SEBELUM FELDA DIWUJUDKAN SEORANG PENEROKA TANAH PERSENDIRIAN TERPAKSA MENUNGGU SEHINGGA LEBIH LAPAN TAHUN SEBELUM DAPAT MENGECAPI HASIL USAHANYA.

DENGAN MENYERTAI FELDA PENEROKA HANYA MENUNGGU KIRA-KIRA DUA TAHUN UNTUK MENGECAPI HASIL DAN PADA MASA YANG SAMA TURUT MENIKMATI PELBAGAI KEMUDAHAN ASAS SEPERTI TEMPAT TINGGAL, JALAN RAYA, SEKOLAH, AIR DAN ELEKTRIK.

BELIAU MENGGESA PARA PENEROKA SUPAYA MENGAMAL SIKAP BERJIMAT CERMAT BAGI MENGHADAPI PELBAGAI KEMUNGKINAN TERMASUK KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERADA DI NEGERI INI UNTUK LAWATAN SEHARI. PETANG INI BELIAU AKAN DIBERI SAMBUTAN +WIRA DUNIA KETIGA+ DI KUALA TERENGGANU OLEH KIRA-KIRA 10,000 ORANG RAKYAT. -- BERNAMA.

1349MST 13 08 90